

Jom Klik HASiL 2022

Mulai Mac setiap tahun, bermulanya tanggungjawab rakyat Malaysia sebagai pembayar cukai di mana anda perlu melaporkan semua jenis pendapatan yang diterima pada tahun sebelumnya kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (HASiL). Seperti tahun-tahun sebelum, menerusi Program Jom Klik HASiL 2022, pembayar cukai digalakkan untuk menghantar Borang Nyata (BN) secara elektronik menggunakan perkhidmatan e-Filing.

Jom Klik HASiL 2022, selain objektifnya untuk menggalakkan pembayar cukai menghantar BN secara elektronik serta memastikan BN diisi dengan tepat dan betul, program ini juga menggalakkan bayaran cukai dibuat secara elektronik menerusi ByrHASiL untuk menjimatkan masa dan kos. Bukan itu sahaja, pembayar cukai juga digalakkan untuk menggunakan e-Perkhidmatan yang disediakan oleh HASiL termasuklah aplikasi MyTax yang boleh dicapai di <https://mytax.hasil.gov.my/>.

MyTax Mudahkan Urusan Cukai

MyTax merupakan aplikasi yang disediakan sebagai akses utama kepada e-Perkhidmatan antaranya seperti:

PERKHIDMATAN	FUNGSI
ByrHASIL	Aplikasi elektronik bagi pembayaran cukai pendapatan melalui bank-bank yang dilantik. Perkhidmatan ini menggunakan FPX sebagai <i>Gateway</i> untuk pengguna membayar cukai.
e-Daftar	Aplikasi permohonan pendaftaran fail cukai pendapatan secara dalam talian bagi mendapatkan nombor cukai pendapatan. Kemudahan disediakan pemohon kategori Individu, Majikan, Syarikat, Perkongsian dan Perkongsian Liabiliti Terhad.
e-Filing	e-Borang : Pembayar cukai boleh mengemukakan Borang Nyata secara dalam talian. e-Permohonan Pindaan BE

	Permohonan pindaan bagi kes pembayar cukai terlebih melaporkan pendapatan atau terkurang menuntut pelepasan yang dibenarkan semasa mengemukakan Borang Nyata secara elektronik dalam tempoh ditetapkan
e-Kemaskini	<p>Pembayar cukai boleh mengemaskini maklumat Profil Diri atau Syarikat termasuk nombor telefon, alamat emel, nombor akaun bank dan alamat terkini.</p> <p>Bukan itu sahaja, Maklumat Pelepasan juga boleh dikemaskini di mana aplikasi ini membenarkan pembayar cukai individu memasukkan maklumat tuntutan pelepasan dan rebat yang ingin dituntut dalam Borang Nyata.</p> <p>Amaun yang telah dimasukkan boleh dikemaskini dari semasa ke semasa dan akan dipraisi ke Borang Nyata elektronik bagi tahun taksiran yang berkenaan.</p>

MyTax juga boleh dicapai menerusi aplikasi telefon mudah alih di mana anda perlu muat turun aplikasi tersebut sama ada di Playstore (Android) atau Appstore (iOS). Aplikasi MyTax ini disediakan untuk pembayar cukai individu yang memiliki Sijil Digital Individu. Ia memaparkan maklumat perculaian individu seperti profil diri pembayar cukai yang berdaftar dengan HASiL, peti surat dan makluman, e-Lejar, proses bayaran balik, proses Surat Penyelesaian Cukai (SPC) dan sebagainya. Dengan MyTax, anda hanya perlu sekali sahaja log masuk dan seterusnya semua jenis perkhidmatan yang disediakan dalam ezHASiL boleh dicapai termasuk perkhidmatan e-Filing untuk lapor pendapatan dan ByrHASiL bagi membuat bayaran cukai.

Bila Perlu Lapor Pendapatan kepada HASiL?

Seperti tahun-tahun sebelum, setiap individu yang telah layak untuk membayar cukai pendapatan perlu melaporkan setiap jenis pendapatan yang diterima mulai Mac. Tempoh penghantaran Borang Nyata bagi melaporkan pendapatan yang anda terima bagi tahun sebelum adalah berbeza mengikut kategori pembayar cukai di mana individu dan selain individu yang menerima pendapatan penggajian sahaja

atau **tidak menjalankan perniagaan** perlu menghantar Borang Nyata mulai **1 Mac 2022 sehingga 30 April 2022 dengan menggunakan Borang BE.** Walau bagaimanapun, keistimewaan diberikan kepada anda yang menghantar e-BE secara dalam talian menggunakan e-Filing di mana tempoh penghantaran dilanjutkan sehingga **15 Mei 2022.**

Bagi penghantaran Borang Nyata individu dan selain individu yang menjalankan perniagaan, anda boleh mula melaporkan **pendapatan perniagaan** bagi tahun 2021 sekarang **sehingga 30 Jun 2022 menggunakan Borang B.** Tempoh penghantaran Borang Nyata turut dilanjutkan sehingga **15 Julai 2022** bagi anda yang menggunakan e-Filing dengan menghantar e-B.

Pilih Jenis Taksiran yang Betul

Lebih tinggi pendapatan bercukai anda maka lebih tinggi cukai akan dikenakan yang seterusnya memberi kesan ke atas bayaran balik atau baki cukai perlu dibayar. Pemilihan jenis taksiran yang betul dan mengoptimumkan potongan derma, tuntutan pelepasan serta rebat ialah elemen-elemen yang boleh mempengaruhi pendapatan bercukai seseorang.

Pemilihan jenis taksiran dapat menentukan jumlah pelepasan diri. Ada beberapa jenis taksiran yang perlu anda pilih dengan betul ketika membuat e-Filing iaitu:

JENIS TAKSIRAN	KATEGORI INDIVIDU
Diri Sendiri	Individu berstatus bujang/ janda/ balu/ duda/ individu berkahwin yang pasangannya tiada punca pendapatan.
Berasingan	Individu dan pasangan yang memilih untuk ditaksir berasingan.
Bersama Atas Nama Suami/ Isteri	Individu dan pasangan yang memilih untuk ditaksir bersama dengan syarat: <ol style="list-style-type: none">Suami dan isteri tinggal bersama dalam tahun asas dan tidak berhenti tinggal bersama dalam tahun asas tersebut;Mempunyai jumlah pendapatan untuk diagregatkan dengan jumlah pendapatan

	<p>suami/ isteri;</p> <p>c. Suami/ isteri yang memilih taksiran bersama mesti warganegara Malaysia, jika tidak bermastautin;</p> <p>d. Pengagregatan jumlah pendapatan hanya boleh dibuat dengan seorang isteri sahaja.</p>
--	---



Bagi mengurangkan jumlah cukai perlu dibayar, individu yang telah berkahwin dan pasangannya juga bekerja adalah disarankan untuk memilih jenis taksiran berasingan berbanding jenis taksiran bersama. Ini kerana, jika pasangan memilih jenis taksiran berasingan maka, setiap individu mendapat pelepasan diri sebanyak RM9,000 (iaitu isteri RM9,000 dan suami RM9,000) berbanding jika memilih jenis taksiran bersama, di mana pasangan hanya layak mendapat pelepasan sebanyak RM 4,000 berbanding RM9,000 bagi taksiran berasingan.

Optimumkan potongan derma, tuntutan pelepasan dan rebat

Siapa yang tidak suka apabila diberi peluang untuk mengurangkan jumlah cukai kena dibayar menerusi potongan derma, tuntutan pelepasan dan rebat. Anda bertuah sekiranya telah membuat bayaran cukai secara ansuran untuk Tahun Taksiran akan datang sama ada menerusi Potongan Cukai Bulanan (PCB) yang dibuat oleh majikan daripada saraan bulanan semasa pekerja atau ansuran CP500 yang dibayar setiap dua bulan sekali sehingga enam kali ansuran mulai Mac setiap tahun oleh pembayar cukai yang mempunyai sumber pendapatan seperti perniagaan, sewa dan royalti. Ini kerana anda berpeluang untuk menerima bayaran balik bagi cukai yang terlebih bayar untuk tahun yang ditaksir.

Pastikan anda mengoptimalkan potongan derma, tuntutan pelepasan dan rebat cukai kerana tindakan ini boleh membantu anda untuk mengurangkan jumlah cukai kena dibayar. Senarai derma kepada institusi yang diluluskan, pelepasan cukai Tahun Taksiran 2021 dan rebat cukai terkini boleh dirujuk menerusi Portal Rasmi HASiL di www.hasil.gov.my.



PELEPASAN INDIVIDU		YURAN PENGAJIAN DIRI SENDIRI RM7,000	
	OKU INDIVIDU KURANG UPAYA RM6,000		SUAMI/ISTERI/ALIMONI KEPADA BEKAS ISTERI RM4,000
INDIVIDU DAN SAUDARA TANGGUNGAN RM9,000		<small>- TERMASUK KURSUS UPSKILLING ATAU SELF-ENHANCEMENT DALAM APA-APA BIDANG KEMAHIRAN YANG DIKTIRAF OLEH KETUA PENGAHAR PEMBANGUNAN KEMAHIRAN (TERHAD RM1,000)</small>	
GAYA HIDUP, PERUBATAN DAN PERALATAN BERKAITAN			
	PERBELANJAAN MELANCONG DALAM NEGARA RM1,000 - PENGINAPAN DI PREMIS YANG BERDAFTAR - BAYARAN MASUK KE PUSAT TARIKAN PELANCONGAN		GAYA HIDUP RM2,500 - PEMBELIAN BAHAN BACAAN - PEMBELIAN KOMPUTER PERIBADI, TELEFON PINTAR/TABLET - BAYARAN LANJUTAN INTERNET - PEMBELIAN PERALATAN SUKAN & BAYARAN KEAHlian GYMNASIUM
	RAWATAN PERUBATAN KEPERLUAN KHAS DAN PENJAGAAN IBU BAPA RM8,000 - PEMBELIAN ALAT SOKONGAN ASAS (INDIVIDU/SUAMI/ISTERI/ANAK/BUBAPA OKU)		TAMBAHAN RM2,500 - PEMBELIAN KOMPUTER PERIBADI, TELEFON PINTAR/TABLET
	PERALATAN ALAT SOKONGAN ASAS (INDIVIDU/SUAMI/ISTERI/ANAK/BUBAPA OKU) RM6,000		TAMBAHAN GAYA HIDUP RM500 BERKAITAN AKTIVITI SUKAN - PEMBELIAN PERALATAN SUKAN - SEWAAN/FI DI MANA-MANA FASILITI SUKAN - FI PENDAFTARAN PENYERTAAN PERTANDINGAN
			PEMBELIAN PERALATAN PENYUSUAN RM1,000 - PEMBAYAR CUKAI WANITA SAHAJA - ANAK BERUMUR KURANG 2 TAHUN - TUNTUTAN DIBUAT SEKALI SETIAP 2 TAHUN
			PERBELANJAAN PERUBATAN BAGI PENYAKIT SERIOUS (INDIVIDU/SUAMI/ISTERI/ANAK) & PERBELANJAAN RAWATAN KESUBURAN (DIRI SENDIRI ATAU PASANGAN) RM8,000 - TERMASUK RAWATAN PERUBATAN PENUH, UJIAN PENGESANAN COVID-19 DAN VAKSINASI YANG DIBENARKAN (TERHAD RM1,000)
PELEPASAN ANAK			
	ANAK BERUMUR DI BAWAH 18 TAHUN RM2,000 - BELUM BERKAHWIN		ANAK KURANG UPAYA RM6,000
	ANAK BERUMUR DI ATAS 18 TAHUN RM2,000 - BELUM BERKAHWIN - BELAJAR SEPENUH MASA		TAMBAHAN BAGI ANAK KURANG UPAYA RM8,000 - BELUM BERKAHWIN - BELAJAR DI IPT (DIPLOMA DAN KE ATAS)
			YURAN TAMAN ASUHAN KANAK-KANAK/TADIKA BERDAFTAR RM3,000 - BERUMUR 6 TAHUN DAN KE BAWAH - DIBENARKAN TUNTUTAN SAMA ADA SUAMI ATAU ISTERI
CARUMAN DAN SUMBANGAN			
	INSURAN NYAWA DAN KWSP * INDIVIDU PENJAWAT AWAM BERPENCEN RM7,000 ATAU SELAIN PENJAWAT AWAM * INSURAN NYAWA/TAKAFUL RM3,000		PERKESO RM250
	SKIM PERSARAAN DAN ANUITI TERTUND RM3,000		INSURAN PERUBATAN DAN PENDIDIKAN (INDIVIDU/PASANGAN/ANAK) RM3,000
			SSPN (TABUNGAN BERSIH) RM8,000
<small>KEMASKINI SEHINGGA 22 DISEMBER 2021</small>			